



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO AHMAD NADZRI BIN MOHD HASSAN  
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

## **SEMPENA**

**PROGRAM MESRA MADANI SETIAUSAHA PERSEKUTUAN  
SARAWAK 2024 DI DAERAH SONG**

**5 OKTOBER 2024 | SABTU | 10.00 PAGI  
BALAI RAYA SONG, KAPIT**

## **SALUTASI**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Sarawak Maju Makmur.

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Yang Berusaha

Tuan Harry Bruce Edwin

Pegawai Daerah Song

Yang Dihormati

DSP Rowney anak Michael Jalak

Ketua Polis Daerah Song

Yang Dihormati

Kaunselor Thomas Lagan anak Busang

Yang Berusaha

Tuan Haji Anuardi bin Hajani

Timbalan Setiausaha Persekutuan Sarawak

Ketua-ketua jabatan serta agensi Persekutuan dan negeri / Kaunselor / Pemanca / Penghulu / Tuan / Puan semua yang hadir pada hari ini.

## UCAPAN

1. Pertama sekali, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan keizinanNya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam majlis yang julung kali diadakan pada hari ini.
2. Saya mengalu-alukan kehadiran ahli komuniti yang hadir dari dekat dan jauh. Tuan/puan rakyat Sarawak/ warga Malaysia merupakan sebab utama program ini diadakan. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Residen Kapit Daerah Song. Tidak lupa terima kasih kepada kaunselor, temenggong, pamanca, penghulu, pegawai dan anggota kerajaan dan agensi Persekutuan juga Sarawak yang bertungkus-lumus menjayakan program ini.
3. Tuan/Puan, hadirin yang dihormati, bersama-sama kita pada hari ini adalah 22 jabatan dan agensi kerajaan Persekutuan dan negeri. Berkonsepkan kesejahteraan rakyat, keutamaan kerajaan Persekutuan dan Sarawak seperti yang selalu dijanjikan oleh YAB Perdana Menteri dan YAB Premier Sarawak, hari ini kita bawa bersama-sama jabatan-jabatan yang khusus untuk keselamatan seperti PDRM, Jabatan Pendaftaran, JPJ, Jabatan Kesihatan.
4. Bahagian Kapit terutamanya daerah Song penting dalam aktiviti pertanian. Maka kita juga ada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Lembaga Perindustrian Nanas, Koko, Sawit, Lada dan banyak lagi yang tidak dapat saya

sebut di sini. Kita harap duit-duit hasil aktiviti pertanian dan perniagaan tuan-tuan dan puan-puan disimpan dengan baik di Bank Simpanan Nasional,

5. Untuk pengetahuan hadirin sekalian, pada 28 September 2024, Program MADANI Rakyat 2024 “Sarawakku Sayang” telah diadakan di Miri Sarawak dengan konsep yang hampir sama tetapi dengan skala yang lebih besar dan dirasmikan oleh Perdana Menteri. Dengan mandat daripada kerajaan Persekutuan, jabatan dan agensi kerajaan yang lain juga disarankan untuk mengadakan program-program MADANI di pelbagai peringkat baik di bandar besar mahupun di daerah kecil. Justeru, siri pertama Program Mesra MADANI Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak 2024 di daerah Song siri kedua program ini akan datang di daerah Kanowit pada 26 Oktober akan datang. Walaupun dengan skala yang lebih kecil, tapi matlamat kita adalah besar iaitu untuk memberi fokus perkhidmatan secara lebih dekat kepada penduduk-penduduk kedua-dua daerah.

6. Akhir kata, saya mewakili jabatan dan agensi kerajaan yang hadir hari ini sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tuan-tuan dan puan-puan atas kehadiran ke Program Mesra MADANI Setiausaha Persekutuan Sarawak 2024 di daerah Song serta menjemput tuan-tuan dan puan-puan ke pameran-pameran jabatan yang ada dan seterusnya mendapatkan sebarang perkhidmatan yang diperlukan. Semoga

program kita hari ini berjalan lancar dan seterusnya memberi manfaat kepada semua pihak

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.